

Rondaan lebih kerap di perairan negara

BH 26 APR 2000

PUTRAJAYA, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rondaan yang lebih kerap mula diadakan di perairan negara berikutan keadaan ekonomi negara kini semakin pulih.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini rondaan kerap tidak dapat dijalankan berikutan kegawatan ekonomi yang menyebabkan penggunaan kapal peronda terpaksa dikurangkan.

“Sekarang, kerana kita nak jaga (perairan)...kita mula rondaan,” katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini, hari ini ketika ditanya mengenai serangan lanun bersenjata dan penculikan 2 Itebusan di Pulau Sipadan, Sabah, Ahad lalu.

Sambil mengesahkan serangan itu bukan dilakukan rakyat Malaysia, Dr Mahathir berkata, ia amat jarang sekali berlaku di negara ini.

Ditanya sama ada kejadian itu berlaku disebabkan kelonggaran keselamatan di kawasan sekitar Pulau Sipadan, beliau berkata, meskipun tahap kawalan keselamatan agak longgar di sesetengah tempat pelancongan di kawasan pulau itu, tiada bahaya yang serius berlaku sebelum ini.

Katanya, pihak berkuasa sedang menyiasat kejadian itu bagi mengetahui puncanya.

“Kita tidak mahu menuduh sesiapa, kita sedang menyiasat,” katanya ketika ditanya sama ada kejadian itu mempunyai kaitan dengan politik antarabangsa.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia masih menjadi tempat yang selamat bagi pelancong meskipun kejadian penculikan itu berlaku di Pulau Sipadan.

Beliau berkata, kawasan itu adalah pusat perancangan yang aman bagi pelancong kerana tiada kejadian seperti itu berlaku sebelum ini.

“Ia (kejadian itu) mungkin menjejaskan pelancongan di Sabah tetapi tempat lain di negara ini tidak terjejas oleh perkara ini. Malaysia amat selamat bagi pelancong,” katanya.

Mengulas tindakan pihak berkuasa Amerika Syarikat menggunakan kekerasan merampas kanak-kanak lelaki pelarian Cuba, Elian Gonzalez, pula Dr Mahathir berkata:

“Kita orang (Malaysia) lemah-lembut...kita tidak menghalakan muncung senapang kepada sesiapa begitu saja dan menggunakan kekerasan.

“Saya bukan tidak suka orang Amerika, saya tidak suka sesetengah media dan pemimpin Amerika. Mereka seri-ng mereka-reka pembongkaran mengenai Malaysia.”